

05/11/1997

Tidak wajar korporatkan ITM

Cukai Dan Tol

PELBAGAI dasar kerajaan dilaksanakan untuk kepentingan rakyat. Di antara dasar kerajaan paling terkemuka ialah Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan sejak zaman Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

Antara tujuan DEB ialah untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kaum dan seterusnya memelihara perpaduan. Dasar lain yang meningkatkan ekonomi Malaysia ialah Dasar Pandang ke Timur (Pandang Timur) yang diperkenalkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara tujuan Pandang Timur ialah meningkatkan ekonomi menerusi proses industrialisasi ala Jepun dan seterusnya mengurangkan pergantungan kepada eksport komoditi tradisional seperti getah dan bijih timah ke negara Barat. Manakala dasar kerajaan yang terbaru ialah Dasar Penswastaan atau Dasar Pengkorporatan.

Dasar Penswastaan/Pengkorporatan mula diperkenalkan selepas era kemelesetan ekonomi tahun 1984-1988. Contoh projek penswastaan yang terkenal ialah Projek Lebuhraya Utara-Selatan (Plus), Telekom Malaysia, Tenaga Nasional dan Pos Malaysia.

Konsep Pandang Timur dulu ialah untuk mempercepat proses pemulihan ekonomi serta mengurangkan kerenah birokrasi. Perkembangan terbaru ialah proses pengkorporatan institut pengajian tinggi seperti Universiti Malaya dan akan datang, mungkin Institut Teknologi Mara (ITM).

Saya tidak menafikan kejayaan Dasar Pengkorporatan ini. Bagaimanapun, akhir-akhir ini beberapa pihak mula bimbang mengenai penswastaan terutama di sektor pendidikan dan kesihatan. Pada mulanya saya fikir, biarlah mereka yang bertelagah dan bermesyuarat untuk menyelesaikannya sebab saya bukanlah pelajar universiti, malah bukan juga pesakit di Hospital Universiti. Bagaimanapun, akhir-akhir ini saya turut bimbang.

Dalam kehidupan, unsur pengawalan adalah penting. Seperti yang diucapkan oleh Perdana Menteri, "Tidak wujud kebebasan mutlak dalam apa juga perkara sama ada kebebasan bersuara, kebebasan berdemokrasi atau sebagainya. Semua bentuk kebebasan mesti ada hadnya. Berpolitik mesti ada had, jual saham secara 'short-selling' mesti ada had, jual beras, simen, tepung, gula pun mengikut harga yang dihadkan."

Namun ada pihak yang mengambil langkah drastik atas nama 'Dasar Penswastaan/Pengkorporatan'. Contohnya, yuran pengajian di ITM akan dinaikkan daripada RM470 ke RM1,500 mulai November 1997. Jika objektif ITM selepas dikorporatkan ialah untuk mengelakkan kerugian atau lebih tepat, mahukan keuntungan sudah tentu langkah menaikkan yuran adalah langkah amat bernas. Bagaimanapun kenaikan yuran biarlah pada kadar terkawal dan munasabah.

Pelajaran seperti juga beras, apabila dinilai dengan wang di pasaran terbuka boleh dianggap sebagai komoditi iaitu nilainya RM tertakluk kepada hukum penawaran dan permintaan. Institut swasta juga akan turut menaikkan yuran masing-masing. Inflasi terjadi dan nilai wang akan jatuh.

Jika kenaikan yuran atau kenaikan harga (komoditi lain) tidak dikawal dengan baik oleh kerajaan, akan berlaku pengagihan tidak seimbang di kalangan rakyat. Semua kemudahan termasuk pelajaran cuma dapat dinikmati golongan yang mempunyai wang. Seperti bahaya 'politik wang', begitu juga bahayanya konsep 'pengkorporatan demi wang'.

Saya harap kerajaan atau lebih tepat ahli politik mengambil sikap 'melindungi' daripada sikap korporat. Lindungi rakyat dan syarikat tempatan. Biarlah ahli korporat sejati yang menjayakan Konsep

Peng korporatan . Pendapatan kerajaan cuma dihadkan kepada hasil cukai pendapatan, cukai perniagaan dan zakat. Bukan semua institusi sektor perkhidmatan boleh dikorporatkan.